Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO MTJ (2) 41S-01–02 TAHUN 2014
SAMSUDIN HASSAN H
21 JANUARI 2016

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan atas kesalahan memiliki keluaran tidak berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah — Hukuman denda RM25,000 — Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, peraturan 7(1)(a) — Sama ada elemen-elemen kesalahan dipenuhi — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu

Pegawai Pendakwaan Farmasi bersama anggota lain daripada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri, Johor telah membuat pemeriksaan atas premis perayu dan perayu didapati memiliki keluaran-keluaran homeopati yang tidak berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah. Perayu dituduh di mahkamah majistret atas kesalahan di bawah peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 ('peraturan'). Mahkamah majistret mensabitkan perayu dengan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda RM25,000 jika gagal bayar akan dikenakan enam bulan penjara. Oleh itu, rayuan ini. Perayu menghujahkan bahawa majistret khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Berasaskan tafsiran di bawah peraturan atau Akta Jualan Dadah 1952, jelas dizahirkan bahawa produk perlu terlebih dahulu dibuktikan oleh pihak pendakwaan mengandungi dadah. Majistret khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila membuat interpretasi atas produk menurut kehendak peraturan tanpa menitikberatkan hasil analisa isi kandungan ubat-ubatan homeopati yang dirampas tersebut tetapi sebaliknya sekadar bergantung sepenuhnya pada ciri-ciri ubat-ubatan homeopati pada zahirnya sahaja seperti nama, isi kandungan, arahan penggunaan, dos, harga dan pengedarnya (lihat perenggan 35 & 40).

(2) Pihak pendakwaan hendaklah mengemukakan keterangan kredibel oleh ahli kimia berserta laporan kimianya untuk membuktikan bahawa hasil analisa ubat-ubatan homeopati tersebut memang sah mengandungi dadah mengikut takrifan produk di bawah peraturan. Kegagalan ini

membangkitkan pemakaian anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950. Pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap perayu. Majistret khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memerintahkan perayu membela diri. Perayu sepatutnya dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan di tahap kes pendakwaan (lihat perenggan 41–42 & 58).

[English summary

The Pharmaceutical Prosecution Officer, along with other officers from the Pharmaceutical Prosecution Division, Johor State Health Department had carried out inspection on the appellant's premise and the appellant was discovered to have in it's possession, homeopathy products which were not registered with the drugs control authorities. The appellant was charged at the magistrate's court for an offence under r 7(1)(a) of the Control of Drugs and Cosmetic Regulations 1984 ('the regulations'). The magistrate's court convicted the appellant for the offence and sentenced him to RM25,000 fine, in default, six months imprisonment. Hence, the present appeal. The appellant submitted that the magistrate erred in facts and law in deciding that the prosecution had successfully proved a prima facie case.

Held, allowing the appeal:

(1) Based on the interpretation of the regulations or Sales of Drugs Act 1952, it was clearly stated that a product must first be proven by the prosecution to contain drugs. The magistrate erred in fact and in law in interpreting the product based on the requirement of the regulations without giving emphasis on the results of the analysis of the homeopathy medicines seized but instead relied wholly on the external aspects characteristics of the homeopathy medicines, namely, the name, contents, instructions, dosage, price and distributor (see paras 35 & 40).

(2) The prosecution must adduce credible evidence by the chemist along with his chemist report to prove that the results of the analysis on the homeopathy medicines revealed that they did contain drugs based on the interpretation of the regulations. This failure invoked adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950. The prosecution failed to prove a prima facie case against the appellant. The magistrate erred in fact and in law in ordering the appellant to file it's defence. The appellant should have been acquitted and discharged from the charge at prosecution stage (see paras 41–42 & 58).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 301–419.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, FC (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, FC (dirujuk)
PP v Dr Mazlan bin Mohd [2001] MLJU 112; [2001] 2 CLJ 512, HC (dibeza)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, SC (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 11 (dirujuk)
Saniah bt Osman lwn TPR Rujukan Jenayah 41–58 Tahun 2008, (tidak dilaporkan) (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Jualan Dadah 1952 ss 2, 12(2)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 3
Kanun Tatacara Jenayah s 182A
Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 peraturan 7(1)(a), 8(1), (8), 9(1), 9(2)(a), (2)(b), (2)(c), (2)(d), (2)(e), (2)(f), (4), 30(1)

Rosli bin Kamaruddin (Abu Daud bin Abu Samad bersamanya) (Rosli Kamaruddin & Co) bagi pihak perayu.
Mahadi bin Abdul Jumaat (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Samsudin Hassan H:

PENDAHULUAN

[1] Perayu telah di tuduh kerana memiliki keluaran ('produk') bukan berdaftar iaitu perlanggaran peraturan 7(1)(a), Peraturan- Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang merupakan kesalahan di bawah peraturan 30(1) peraturan yang sama jika disabitkan boleh dikenakan hukuman di bawah s 12(2) Akta Jualan Dadah 1952.

[2] Pada 12 Januari 2014 Puan Majistret, Mahkamah Majistret Kota Tinggi, Johor, telah memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes 'prima facie' di akhir kes pendakwaan dan dengan itu memerintahkan perayu membela diri terhadap pertuduhan asal tersebut.

[3] Perayu memanggil empat orang saksi dalam pembelaannya dan mereka itu sememangnya memberi keterangan bersumpah. Pada 9 Februari 2014 Puan Majistret yang berkenaan telah mensabitkan perayu dengan kesalahan tersebut dan mengenakan hukuman denda berjumlah RM25,000 jika gagal bayar akan dikenakan enam bulan penjara.

[4] Perayu lalu memasukkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman bagi pertuduhan tersebut.

PERTUDUHAN

[5] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

Bahawa kamu, pada 23 Mei 2013 lebih kurang jam 10.30 pagi, dipremis Klinik Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd beralamat di PTD 4114, Jalan Hospital, Bukit Gelugor, Sungai Rengit, 81620 Pengerang, Johor telah memiliki keluaran-keluaran yang Bukan Keluaran Berdaftar iaitu:

(1) Palpato sebanyak 2 bekas

(2) Neuralgia T sebanyak 2 bekas

(3) Post Natal sebanyak 1 bekas

(4) Palpa Tyroid sebanyak 1 bekas

(5) KFTHPT sebanyak 1 bekas

(6) Lymph Cough sebanyak 1 bekas

(7) Obesity Plus sebanyak 1 bekas

(8) Odematus sebanyak 1 bekas

(9) Rec Fit sebanyak 1 bekas

(10) Raja Tupai sebanyak 1 bekas

(11) Slim Diet sebanyak 1 bekas

(12) Syzhezo sebanyak 1 bekas

(13) Tab IQ sebanyak 1 bekas

(14) Tab Bruises sebanyak 1 bekas

(15) Tab Conjuctivitis sebanyak 1 bekas

(16) T3 sebanyak 1 bekas

(17) Tab Vomit sebanyak 1 bekas

(18) TB 2 sebanyak 1 bekas

(19) Prouterus sebanyak 1 bekas

(20) Slek sebanyak 1 bekas

(21) Tab Viral sebanyak 2 bekas

(22) T 3 Cheast sebanyak 1 bekas

(23) Tab Eye sebanyak 1 bekas

(24) Tab Hernia sebanyak 1 bekas

(25) Tab Eye Shin sebanyak 1 bekas
(26) Tab Viral sebanyak 1 bekas
(27) Tab Irregular Aid sebanyak 1 bekas
(28) Tab Venum sebanyak 1 bekas
(29) Tab Paralysis sebanyak 1 bekas
(30) FR Super Garn sebanyak 8 bekas
(31) Anti Natal sebanyak 1 bekas
(32) Anti Malgnant sebanyak 1 bekas
(33) Anti Glucoma sebanyak 1 bekas
(34) Anti Psiorosis sebanyak 1 bekas
(35) Bronchodialator sebanyak 1 bekas
(36) CVA sebanyak 1 bekas
(37) CA Metatarsis sebanyak 1 bekas
(38) Dialysis sebanyak 1 bekas
(39) AGE sebanyak 1 bekas
(40) Anti Gangrene sebanyak 1 bekas
(41) Ascitesdema sebanyak 1 bekas
(42) DM Gangrene sebanyak 1 bekas
(43) Gouthy sebanyak 1 bekas
(44) Heart Pass sebanyak 1 bekas
(45) Hen Odema sebanyak 1 bekas
(46) Headache 2 sebanyak 1 bekas
(47) Jaundice sebanyak 1 bekas
(48) Albumin sebanyak 1 bekas
(49) Anti (K) sebanyak 1 bekas
(50) Abcessache sebanyak 1 bekas
(51) Colicky sebanyak 1 bekas
(52) CA Metatasis sebanyak 1 bekas
(53) Funguscide sebanyak 1 bekas
(54) Flatulance Plus sebanyak 1 bekas
(55) Anti Rashes sebanyak 1 bekas
(56) AC Vertigo sebanyak 1 bekas

(57) Alleupak sebanyak 1 bekas

(58) Anti Obesity sebanyak 1 bekas

(59) Abcess Node sebanyak 1 bekas

(60) Crystle sebanyak 1 bekas

(61) Cough Expert sebanyak 1 bekas

(62) CH Neuraigia sebanyak 1 bekas

(63) Downroma sebanyak 2 bekas

(64) Tab Viral sebanyak 5 x 120ml

(65) Colicky sebanyak 3 x 120ml

(66) Cough Expt. sebanyak 1 x 120 ml

(67) Anti Histamine sebanyak 120ml

(68) GTNT sebanyak 1 bekas

(69) Migrainache sebanyak 1 bekas

[6] Oleh itu, kamu telah melanggar peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan melakukan satu kesalahan di bawah peraturan 30(1) Peraturan yang sama boleh di hukum di bawah s 12(2) Akta Jualan Dadah 1952.

FAKTA RINGKAS KES

[7] Fakta ringkas kes adalah seperti berikut:

[8] Pada 23 Mei 2013 jam lebih kurang 10.30 pagi Mohd Faris bin Abd Talib ('SP1') iaitu Pegawai Pendakwaan Farmasi bersama anggota lain daripada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri, Johor telah membuat pemeriksaan keatas premis Klinik Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd beralamat di PTD 4114, Jalan Hospital, Bukit Gelugor, Sungai Rengit, 81620 Pengerang, Johor kerana disyaki memiliki keluaran-keluaran yang tidak berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah.

[9] Setelah memasuki premis tersebut, SP1 lalu memperkenalkan diri kepada penama Noor Sarah bt Ali iaitu Pengurus Kewangan di Klinik Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd itu.

[10] Dengan disaksikan oleh Noor Sarah bt Ali maka pemeriksaan telah dijalankan dan menemui sejumlah keluaran-keluaran yang tidak berdaftar sepertimana eksibit-eksibit bertanda P4 hingga P72 dengan pihak berkuasa kawalan dadah.

[11] Barang-barang kes tersebut telah dirampas dan borang geledah sepertimana eksh P2 telah di keluarkan. Semua barang kes tersebut dirujuk ke Biro Farmaseutikal Dadah Kebangsaan dan didapati bukan keluaran berdaftar.

ALASAN RAYUAN

[12] Peguambela bijaksana yang mewakili perayu telah mengemukakan pelbagai alasan dalam petisyen rayuan yang menyokong hujahan bahawa perintah sabitan dan hukuman oleh Puan Majistret, Mahkamah Majistret, Kota Tinggi, Johor patut diketepikan. Antara alasan-alasannya ialah seperti di bawah berikut:

(a) Puan Majistret telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa pendakwaan/responden telah berjaya membuktikan kes 'prima facie';

(b) Puan Majistret telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila melonggarkan beban pihak pendakwaan/responden dengan memutuskan '... di dalam kes ini tidak dipertikaikan bahawa produk-produk yang dirampas adalah digunakan untuk tujuan perubatan dan ...' oleh itu dinyatakan bahawa produk-produk homeopathy perlu didaftarkan kecuali dalam beberapa pengecualian yang perlu dibuktikan oleh pembelaan;

(c) Puan Majistret telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila tidak mengambil kira peruntukan s 114(g) Akta Keterangan 1950 mengenai saksi pakar seperti ahli kimia yang gagal dikemukakan untuk membuktikan eksh P4 hingga P72 sebagai produk menurut Akta Jualan Dadah dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984;

(d) Puan Majistret juga telah khilaf dari segi undang-undang di dalam pemakaian peruntukan 9 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 mengenai skop pembuktian 'prima facie' perakuan yang dikeluarkan;

(e) Puan Majistret adalah khilaf dari segi undang-undang dalam membuat interpretasi terhadap produk menurut kehendak Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984;

(f) Puan Majistret telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila tidak mengambil kira pembelaan perayu; dan

(g) Puan Majistret telah khilaf dari segi undang-undang apabila telah menjatuhkan hukuman yang berlebihan ('manifestly excessive') terhadap perayu.

ANALISA KEATAS ALASAN-ALASAN DI ATAS DAN DAPATAN MAHKAMAH MENGENAINYA

[13] Alasan-alasan di atas akan dibincangkan satu-persatu seperti berikut:

Alasan kekhilafan pertama

[14] Bagi alasan-alasan petisyen diperenggan (a) hingga (e) diatas dirangkumkan sekali sebagai isu 'prima facie' diakhir kes pendakwaan.

[15] Bagi pertuduhan melanggar peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 iaitu kesalahan di bawah peraturan 30(1) Peraturan yang sama yang boleh di hukum di bawah s 12(2) Akta Jualan Dadah 1952 terdapat empat elemen-elemen ('ingredients') yang perlu dibuktikan ialah:

(a) person;

(b) possess;

(c) product;

(d) product is not registered; and

(e) person has no appropriate license.

Eleman pertama kesalahan: 'person'

[16] Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 tidak memperuntukkan tafsiran siapa sebenarnya dimaksudkan dengan perkataan 'person' di bawah peraturan 7(1)(a) tersebut.

[17] Begitu juga Akta induknya Sale of Drugs Act 1952 di bawah s 2 nya langsung tidak menyebut interpretasi perkataan 'person' untuk penggunaan spesifik isu timbul di dalam peruntukan Akta tersebut.

[18] Dalam keadaan sedemikian mahkamah terpaksalah bersandarkan penaksiran definisi 'person' dibawah s 3 Interpretation Acts 1948 and 1967 seperti berikut:

> 'person' includes a body of persons, corporate or unincorporated.

[19] Noor Hidayah bt Nuruddin (SP2) ialah pegawai penyiasat kes di Cawangan Penguatkuasaan Farmasi di Jabatan Kesihatan Negeri Johor ada membuat semakan dengan Pesuruhjaya Syarikat Malaysia ('SSM') dan melalui dokumen eksh P79 disahkan bahawa premis tempat kejadian ini adalah merupakan sebuah tempat perniagaan jenis 'medical practitioners' didaftarkan

atas nama 'Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd' dengan No Syarikat 359646-K beralamat Homeopathology Laboratory & Hospital di PTD 4114, Lorong 8, Jalan Hospital, Bukit Gelugor, Sg Rengit, Pengerang, 81620 Johor ditadbir urus keseluruhannya oleh lima orang pengarah dan seorang pegawai setiausaha syarikat.

[20] Jadi pengarah dan pegawai tersebutlah yang dimaksudkan 'body of persons' yang menubuhkan dan juga mentadbir urusan perbadanan perniagaan didaftar atas nama 'Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd' (corporate) sejajar dengan kehendak definisi 'person' dibawah peruntukan s 3 Interpretation Acts 1948 and 1967.

[21] Oleh yang demikian maka mahkamah memutuskan elemen pertama pertuduhan telah terjawab dan berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan atau responden.

Elemen kedua: 'possess'

[22] Mahkamah merujuk kepada interpretasi perkataan 'possess' di bawah peruntukan s 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 seperti berikut:

> 'Possess' in relation to any product, includes keeping, storing possesing for sale, possessing of or Supply, possessing for self administration or administering to any person or animal or causing any person to administer to him.

[23] Mengikut Mohd Faris bin Abd Talib (SP1) pada 23 Mei 2013 jam lebih kurang 10.30 pagi beliau serta anggota penguatkuasa Jabatan Kesihatan Negeri Johor ada melakukan pemeriksaan keatas premis homeopati di Klinik Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd di alamat PTD 4114 Jalan Hospital Bukit Gelugor, Sungai Rengit, 81620 Pengerang Johor.

[24] Pemeriksaan keatas klinik ini dijalankan oleh pihak penguatkuasaan dalam kehadiran seorang daripada pengarah syarikat ini iaitu Puan Norsarah bt Ali dan juga pengurus pemasaran klinik tersebut bernama Norhanim bt Ali.

[25] Hasil pemeriksaan tersebut SP1 menjumpai 69 ubat-ubatan homeopati (eksibit-eksibit P4 hingga P72) diletakkan di atas rak besi dalam bilik dispensari klinik tersebut di tempat bertanda 'A' mengikut rajah kasar di eksh P73.

[26] Ubat-ubatan di eksh P4 hingga P72 dirampas dan dicatitkan dalam senarai bongkar (eksh P2) di tandatangani oleh SP1 dan diakui oleh Puan Norsarah bt Ali.

[27] Dilihat pada keseluruhan keterangan diperingkat pendakwaan ini adalah diamati lima (5) orang pengarah dan seorang setiausaha syarikat tidak pernah membantah atau menafikan bahawa ubat-ubatan homeopati tersebut (eksibit-eksibit P4 hingga P72) dijumpai atau dipunyai oleh premis Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd iaitu sebuah badan korporat (*corporate body*).

[28] Gambar-gambar ubat-ubatan yang dirampas tersebut adalah sepertimana di eksh P74 (G hingga L) dan tindakan rampasan oleh SP1 ini dengan rasminya ada dizahirkan di dalam Laporan Polis Sg Rengit/000430/13 bertarikh 23 Mei 2013 sepertimana di eksh P75. Berasaskan fakta di atas adalah jelas ubat-ubatan homeopati (eksibit-eksibit P4 hingga P73) tersebut disimpan ('keeping') dan distorkan ('storing') di permis kepunyaan badan korporat iaitu Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd yang ditadbir urus oleh lima orang pengarah dan seorang setiausaha syarikat.

[29] Lagipun mengikut keterangan SP1 melalui rajah kasar di eksh P73 yang dilakarkannya terdapat di dalam klinik tersebut bilik doktor di tempat bertanda 'D', bilik sediaan ubat-ubatan homeopati di tempat bertanda 'C' dan akhir sekali bilik ditempatkan rak ubat-ubatan di mana eksibit-eksibit P4 hingga P72 dijumpai. Keadaan ini menyokong pernyataan SP 1 di dalam Laporan Polis Sg Rengit/000430/13 bertarikh 23 Mei 2013 di eksh P75 menzahirkan bahawa Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd ini diadukan ada memberi rawatan kepada pesakit. Keadaan ini juga jelas menepati interpretasi di bawah s 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 bahawa klinik tersebut memiliki ('posses') ubat-ubatan yang berkenaan itu bertujuan mengaplikasikan kepada pesakit-pesakit yang ingin mendapatkan rawatan.

Elemen ketiga: 'product'

[30] Oleh kerana pertuduhan disini merujuk kepada pelanggaran terhadap peruntukkan peraturan 7(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 maka dalam keadaan sedemikian adalah wajar dirujuk kepada interpretasi di bawah peraturan 2 berkenaan apa sebenarnya di maksudkan 'product' di sini dan ianya adalah seperti berikut:

'product' means:

(a) *a drug in a dosage unit or otherwise* for use wholly or mainly by being administered to one or more human beings or animals for a medicinal purpose, or

(b) *a drug to be used as an ingredient* of a preparation for a medicinal purpose.

(Emphasis added.)

[31] Di sini saya sebagai hakim bicara perlulah meneliti serta menilai semua keterangan pihak pendakwaan secara maksima samada terdapatnya 'credible evidence' untuk membuktikan elemen kesalahan yang berkenaan ini (*Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457).

[32] Sekali imbas kepada interpretasi 'product' yang dipetikkan di atas tersebut jelas diamati bahawa intipati utama elemennya ialah 'a drug in a dosage unit or otherwise' di bawah limb (a) dan 'a drug to be used as an ingredient' di bawah limb (b). Perkataan utama di dalam kedua-dua ungkapan di bawah limb (a) dan (b) tersebut ialah 'drug'.

[33] Sekali lagi di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 di dapati perkataan 'drug' ditakrifkan seperti berikut:

> 'drug' has the meaning assigned to it in the Ordinance but does not include a herbal remedy.

[34] 'Ordinance' di sini sudah pasti merujuk kepada Sales of Drugs Act 1952 kerana di bawah kuasanya dijadikan atau diadakan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Seksyen 2 Sales of Drugs Act 1952 menginterpretasikan perkataan 'drug' di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 seperti berikut:

> 'drug' includes any substance, product or article intended to be used or capable, or purpoted or claimed to be capable, of being used on humans or any animal, whether internally or externally, for medicinal purpose.

[35] Berasaskan taksiran di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 atau Sales of Drugs Act 1952 adalah jelas dizahirkan bahawa 'product' tersebut perlulah terlebih dahulu dibuktikan oleh pihak pendakwaan mengandungi dadah ('drug') bagi memenuhi elemen ketiga kesalahan di bawah peraturan 7(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

[36] Sepertimana yang mahkamah telah menyatakan sebelum ini bahawa bebanan adalah di atas bahu pihak pendakwaan untuk mengemukakan 'credible evidence' untuk membuktikannya. Kalau dirujuk alasan penghakiman Puan Majistret, Mahkamah Majistret Kota Tinggi, Johor, di muka surat 14 hingga 16 dalam rekod rayuan beliau telahpun menyentuh secara ringkas mengenai bantahan awal oleh pihak responden berkait produk dalam perubatan homeopati diperlukan berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Adalah diamati Puan Majistret di situ tidak menafikan produk yang dirampas itu adalah

ubat-ubatan homeopati. Malahan SP1 di dalam keterangannya diperenggan dua dan lima di muka surat 34 dalam rekod rayuan mengaku barang yang di rampas di premis Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd adalah merupakan ubat-ubatan homeopati ini ada ditakrifkan di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 seperti berikut:

> 'homeopathic medicine' means any pharmaceutical dosage form used in the homeopathic therapeutic system in which diseases are treated by the use of minute amount of such substances which are capable of producing in healthy person symptons similar to those of the disease being treated.

[37] Takrifan ubat-ubatan homeopati ini langsung tidak menyebut adanya kandungan 'drug' samada 'in a dosage unit' ataupun 'to be used as an ingredient' di dalamnya.

[38] Jadi jelas di sini 'product' dan 'homeopathic medicines' adalah dua barangan yang berbeza mengikut tafsiran di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan 1984. Untuk menentukan status tersebut maka adalah penting barangan tersebut di buat analisa terlebih dahulu oleh ahli pakar. Namun begitu mahkamah amati di dalam kes ini tidak ada satu keping bukti pun baik melalui keterangan lisan di ketengahkan oleh saksi-saksi pendakwaan semasa perbicaraan ataupun laporan pakar untuk mengesahkan ubat-ubatan homeopati, tersebut seperti mana di eksibit P4 hingga P72 setelah dianalisa mengandungi dadah ('drug') agar ianya selamat dianggap 'product' mengikut tafsiran peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

[39] Dalam hal ini sungguhpun kedua-dua SP1 dan SP2 merupakan ahli farmasi berdaftar yang telah menyemak dan megesahkan ubat-ubatan homeopati tersebut ada nama, isi kandungan ('content'), arahan penggunaan, dosage, harga dan pengendosnya tetapi itu sahaja tidak secara automatik ataupun mencukupi dianggap 'product' mengikut tafsiran peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 tanpa dibuat analisa untuk menentukan komposisi dan isi kandungan dadah di dalamnya 'wholly or mainly' diaplikasi kemudiannya kepada 'human beings for a medicinal purpose'.

[40] Mahkamah merumuskan Puan Majistret di dalam alasan penghakimnya di perenggan 2 dan 3 di ms 20 dalam rekod rayuan jelas telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila membuat interpretasi keatas 'product' menurut kehendak Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 tanpa menitikberat kepada hasil analisa isi kandungan ubat-ubatan homeopati yang di rampas tersebut tetapi sebaliknya beliau sekadar bergantung sepenuhnya kepada ciri-ciri ubat-ubatan homeopati pada zahirnya sahaja seperti nama, isi kandungan ('content'), arahan penggunaan, dosage, harga dan pengedarnya.

[41] Menyentuh mengenai kes *Public Prosecutor v Dr Mazlan bin Mohd* [2001] MLJU 112; [2001] 2 CLJ 512 yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu dan juga kes *Saniah bt Osman lwn Timbalan Pendakwa Raya* Rujukan Jenayah 41–58 Tahun 2008, (tidak dilaporkan) di hakimi oleh Mahkamah Tinggi Melaka adalah di amati dan dipercayai isunya jauh berbeza dengan kes yang dibicarakan oleh mahkamah saya disini. Dalam kes *Public Prosecutor v Dr Mazlan bin Mohd* isunya ialah samada 'product' yang berkenaan itu 'Noristerat' dan bukannya isu untuk menentukan samaada 'Noristerat' tersebut menepati maksud takrifan 'product' di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Persoalan samada 'product' berkenaan merupakan 'Noristerat' sepatutnyalah diputuskan oleh pakar pharmacist yang berdaftar iaitu SP1, SP2 dan SP3 di dalam kes *Public Prosecutor v Dr Mazlan bin Mohd*. Kes dihadapan mahkamah saya ini lebih kepada menentukan samada ubat-ubatan homeopati tersebut menepati maksud tafsiran 'product' dibawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang diperlukan berdaftar di bawah peraturan 8 peraturan-peraturan yang sama. Jadi SP 1 dan SP 2 sungguhpun pakar pharmacist yang berdaftar hendaklah melakukan analisa yang lebih teliti dan mendalam untuk mengetahui samada ubat-ubatan homeopati sepertimana di eksibit P4 hingga P72 tersebut benar-benar mengandungi dadah ('drug') dalam erti kata 'product' di bawah peraturan 2 peraturan-peraturan yang sama dan bukanlah sekadar mengharapkan kepada ciri-ciri ubat-ubatan homeopati pada zahirnya sahaja, misalannya nama, isi kandungan ('content'), arahan penggunaan, 'dosage', harga dan pembekalnya sepertimana yang diputuskan di dalam kes *Public Prosector v Dr Mazlan bin Mohd* dan *Saniah bt Osman lwn Timbalan Pendakwa Raya* (tidak dilaporkan). Dalam hal ini mahkamah bertegas pihak pendakwaan/responden hendaklah mengemukakan 'credible evidence' seperti pakar ahli kimia berserta laporan kimianya untuk membuktikan tanpa menimbulkan keraguan munasabah bahawasanya hasil analisa ubat-ubatan homeopati tersebut memang sah mengandungi dadah ('drug') mengikut takrifan 'product' di bawah peraturan 2 itu.

[42] Kegagalan pihak pendakwaan/responden mengemukakan saksi pakar seperti ahli kimia untuk membuktikan eksh P4 hingga P72 sebagai 'product' menurut Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 serta Akta Jualan Dadah 1952 sudah pasti menarik 'adverse inference' di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadapnya.

Elemen keempat: 'product is not registered'

[43] Mengikut peraturan 8(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 'product' yang telah ditakrifkan di bawah peraturan 2 peraturan-peraturan yang sama bolehlah dimasukkan permohonan untuk di daftarkan oleh pihak berkuasa.

[44] Berikutnya peraturan 8(8) peraturan-peraturan yang sama juga memperuntukkan setelah 'product' tersebut didaftarkan maka pihak berkuasa akan memaklumkan kepada pemiliknya nombor pendaftaran atau nombor senarai kepada setiap 'product' yang didaftarkan.

[45] Di bawah peraturan 9(1) peraturan-peraturan yang sama itu juga memperuntukkan setiausaha di kehendaki menyimpan dan menjaga pendaftaran 'product' tersebut yang mengandungi butir-butir sepertimana di nyatakan di dalam peraturan 9(2)(a) hingga (f) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

[46] Dan akhirnya peraturan 9(4) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 memperuntukkan sijil yang dikeluarkan oleh setiausaha tersebut atau pegawai yang bertanggungjawab ke atas pendaftaran 'product' itu adalah bukti prima facie segala perakuan dinyatakan di dalamnya.

[47] Sepertimana dalam dapatan mahkamah menganai elemen ketiga sebelum ini ubat-ubatan homeopati sepertimana di eksh P4 hingga P72 tidak pernah dibuktikan mengandungi dadah ('drug') bagi memenuhi kehendak tafsiran 'product' di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan Akta Jualan Dadah 1952. Dalam keadaan sedemikian apa perlunya perayu di situ memohon untuk eksh P4 hingga eksh P72 yang bukan ditakrifkan 'product' didaftarkan dengan pihak berkuasa seperti mana dinyatakan di dalam peraturan 8(1) dan 8(8) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Dan oleh kerana ubat-ubatan homeopati di eksh P4 hingga eksh P72 itu tidak di daftarkan maka sudah pasti setiausaha tidak ada menyimpan dan menjaga pendaftaran butiran ubat-ubatan homeopati tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 9(1) dan 9(2)(a) hingga (f) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Tanpa permohonan mendaftar ubat-ubatan homeopati yang bukan berstatus 'product' di bawah takrifan peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 maka sudah tentu sijil pendaftaran perakuan barang-barangan tersebut tidak dikeluarkan oleh setiausaha berkenaan demi mematuhi peruntukan peraturan 9(4) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Namun begitu mahkamah amati di eksh P78 terdapat perakuan di bawah peraturan 9(4) peraturan-peraturan tersebut oleh Puan Rosilawati bt Ahmad sebagai ketua seksyen koordinasi regulatari memperakukan bahawa terdapat 69 ubat-ubatan homeopati yang statusnya bukanlah dinyatakan berdaftar sepertimana kehendaki peraturan 9(4) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 tetapi sebaliknya mengesahkan barangan tersebut bukan keluaran berdaftar. Ini sudah menyimpang daripada niat murni peruntukan peraturan 9(4) bahawa sijil pendaftaran dikeluarkan untuk barangan 'product' sahaja. Maka berasaskan fakta tersebut jelas Puan Majistret telah terkhilaf dari segi undang-undang

apabila beliau tersalah pemakaian skop pembuktikan prima facie di bawah peraturan 9(4) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik berteraskan sijil perakuan mengesahkan 69 ubat-ubatan ini bukannya keluaran berdaftar ('registered product').

[48] Akhir sekali mahkamah ingin menyentuh sedikit mengenai pendirian Puan Majistret bahawa Drug Registration Guidance Document (DRGD) tidak boleh diterima pakai untuk mengecualikan pendaftaran ubat-ubatan homeopati seperti mana di eksh P4 hingga P72 pihak berkuasa kerana ianya masih tertakluk kepada Akta serta Peraturan-Peraturan Undang-Undang Dadah dan juga DRGD itu sendiri ada menyatakan bahawa semua produk homeopati perlu berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

[49] Merujuk kepada isu bahawasanya DRGD itu masih tertakluk kepada Akta serta Peraturan-Peraturan Undang-Undang Dadah negara tidak dinafikan sememangnya ada diperuntukkan di bawah 'preamble'nya seperti di petik di bawah berikut:

> This DRGD shall be read in conjunction with the current laws and regulations together with other relevant legislations, where applicable, governing pharmaceutical and natural products for human use in Malaysia, which include but not limited to the following:
>
> (a) Sale of Drugs Act 1952
>
> (b) Control of Drugs and Cosmetic Regulations 1984
>
> (c) Dangerous Drugs Act 1952,
>
> The written laws shall take precedence over the guidance document in any event of discrepancy.

[50] Oleh kerana Akta serta Peraturan-Peraturan Undang-Undang Dadah Negara seperti Sale of Drugs Act 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 lebih diutamakan daripada DRGD maka mahkamah ini ingin menekan sekali lagi sepertimana di ulasan atau dapatan di bawah elemen ketiga sebelum ini bahawa ubat-ubatan di eksh P4 hingga P72 tidak atau gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan mengandungi dadah ('drug') sejajar dengan takrifan 'product' di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 serta s 2 Sale of Drugs Act 1952. Maka dalam keadaan sedemikian ubat-ubatan homeopati tersebut tepatlah dirumuskan sepatutnya lah tergolong di bawah seliaan Drug Registration Guidance Document (DRGD).

[51] Berkenaan dengan peruntukan DRGD itu sendiri yang ada dinyatakan bahawa semua 'product' homeopati perlu berdaftar di bawah

Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 tidak di nafikan sememangnya ada diperuntukkan di ms 306 dalam DRGD di perenggan 2 seperti di petik di bawah berikut:

> All homeopathic products are registerable under the control of Drugs and Cosmetics Registration 1984. Exemption to this are:
>
> (ii) extemporaneous preparation for an individual patient by a registered/licensed homeopathic practitioner.

[52] Mahkamah merumuskan terdapat dua keadaan disini di mana ubat-ubatan homeopati tidak perlu di daftar dengan pihak berkuasa. Pertamanya pengecualian yang di peruntukkan di perenggan 2 di ms 306 dalam DRGD itu sendiri jika di terjemahkan dalam Bahasa Malaysia ianya bermaksud pengecualian pendaftaran ubat-ubatan homeopati diberikan jika ianya disediakan secara spontan untuk di berikan kepada seseorang pesakit individu oleh seseorang pengamal homeopati yang berdaftar atau berlesen. Keterangan SP1 dan SP2 dan juga carian SSM (eksh P79) jelas mengesahkan Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd (No Syarikat 359646-K) adalah merupakan pusat rawatan homeopati. SP1 juga menyatakan pemilik Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd iaitu Prof Ali adalah merupakan 'medical practitioner' menggunakan gelaran doktor homeopati ada memberi rawatan kepada pesakitnya. Malahan hasil pemeriksaan SP1 dan SP2 keatas klinikal tersebut mendapati ianya sebuah bangunan satu tingkat yang ada kemudahan-kemudahan berikut:

(a) bilik dispensary di mana di simpan ubat-ubatan homeopati yang di letakkan di atas rak besi sepertimana dalam gambar eksh P74 (G) hingga (L);

(b) bilik stor;

(c) bilik rawatan kepada pesakit-pesakit sepertimana gambar dalam eksh P74(D);

(d) bilik sediaan ubat homeopati terletak di bahagian belakang premis Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd; dan

(e) bilik doktor.

[53] Jadi dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut di atas khususnya bilik penyediaan ubat-ubatan homeopati dan bilik rawatan pesakit maka klinikal tersebut memang melakukan aktiviti menyediakan ubat-ubatan homeopati secara sepontan untuk diaplikasikannya kepada individu di bilik rawatan oleh doktor pengamal homeopati yang berdaftar seperti Prof Ali.

[54] Fakta ini sudah memadai menepati kehendak pengecualian yang di berikan di bawah perenggan 2 di ms 306 dalam DRGD.

[55] Bagi keadaan kedua pula di mana ubat-ubatan homeopati di kecualikan daripada keperluan mendaftarnya dengan pihak berkuasa timbul atas alasan yang sama di ulaskan di bawah elemen ketiga sebelum ini bahawa ubat-ubatan di eksh P4 hingga P72 ini gagal di buktikan oleh pihak pendakwaan mengandungi dadah ('drug') sejajar dengan tafsiran 'product' di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 serta s 2 Sale of Drugs Act 1952.

[56] Setelah di ulas dan di kaji secara terperinci mengenai ubat-ubatan homeopati ini maka mahkamah ini memutuskan ianya bukanlah 'registered product' dalam erti kata peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan oleh itu Puan Majistret sekali lagi terkhilaf apabila merumuskan di perenggan 2 dalam alasan penghakimannya di ms 20 rekod rayuan bahawa ubat-ubatan homeopati tidak dilindungi di bawah Drug Registration Guidance Document (DRGD).

Elemen kelima: 'a person has no oppropriate licence'

[57] Secara ringkasnya mahkamah ini memutuskan Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd (perayu) tidak perlu memohon dan mempunyai 'license' sepertimana yang dikehendaki di bawah peruntukan peraturan 12 dan 13 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 kerana ianya tidak memiliki ubat-ubatan dalam ertikata 'product' di bawah peraturan7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 di baca bersekali dengan peruntukan 2 peraturan-peraturan yang sama serta s 2 di bawah Akta Jualan Dadah 1952. Oleh itu mahkamah memutuskan peraturan 7(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 adalah tidak terpakai dan berkenaan untuk tujuan pembuktian elemen kesalahan dalam kes ini.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[58] Setelah di kaji, di teliti dan di halusi semula semua keterangan dalam kes ini secara maksimanya maka mahkamah mendapati pihak pendakwaan atau responden gagal mengemukakan keterangan-keterangan kredible yang mencukupi untuk membuktikan elemen ketiga dan elemen keempat kesalahan di bawah peraturan 7 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Dalam keadaan sedemikian mana mungkin dikatakan pihak pendakwaan atau responden disini telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd dan turutan daripada itu Puan Majistret juga terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memerintah Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd tersebut untuk membela diri terhadap pertuduhan asal kerana melanggar peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 iaitu satu kesalahan di bawah peraturan 30(1) peraturan yang sama. Sepatutnya di tahap kes

pendakwaan lagi Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tersebut.

ALASAN KEKHILAFAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PEMBELAAN

[59] Sungguhpun mahkamah sebelum ini telah memutuskan kekurangan keterangan kredible membuktikan kes prima facie namun demi keadilan perlu di lihat pembelaan perayu sekiranya benar kes pendakwaan dapat dibuktikan.

[60] Jadi disini mahkamah menumpukan kepada isu pembelaan di akhir keseluruhan kes.

[61] Bagi tujuan tersebut mahkamah bersandarkan pada peruntukan s 182A Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan tugas mahkamah di akhir kes pembelaan. Dan mahkamah ini juga sedia maklum bahawa sungguhpun pihak pendakwaan mempunyai beban pembuktian kes melampaui keraguan munasabah namun tugas pihak pembelaan adalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah sahaja. Di dalam kes Mahkamah Agong *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 di petik:

> It is well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the presecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, he merely has to cast a reasonable doubt.

[62] Keraguan munasabah ('reasonable doubt') telah di putuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 11 di mana Sharma J berkata:

> A reasonable doubt must be doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be on in an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[63] Pembelaan memanggil empat orang saksi yang mana tiga daripada mereka adalah pengamal perubatan homeopati dan seorang lagi merupakan pesara selepas 16 tahun bertugas di hospital dan di Pejabat Farmasi Johor Bahru, Johor. Antara keterangan pembelaan mereka adalah seperti di bawah berikut:

(a) SD1 menyatakan selaku pengamal homeopati beliau akan periksa pesakit dan kemudiannya menilai ubat-ubatan yang telah disediakan untuk di berikan kepada pesakit;

(b) mengikut SD1 juga ubat-ubatan yang telah di sediakan itu akan dicampurkan dengan bahan-bahan lain mengikut keadaan pesakit tertentu yang datang untuk di rawat;

(c) SD1 di dalam kenyataannya juga menzahirkan menggunakan bahan asas iaitu air homeopati bertapis yang dicampur lagi dengan bahan-bahan lain sebelum di berikan kepada pesakit-pesakit yang tertentu;

(d) SD1 menegaskan setiap ubat yang disediakan itu diperiksa dan dinilainya terlebih dahulu sebelum di berikan kepada pesakit;

(e) SD1 berkata ubat-ubatan jenis macam itu tidak perlu di daftar sepertimana diaplikasi atau di gunakan oleh doktor-doktor biasa yang lain;

(f) SD1 pasti ubat-ubatan yang di *prescribe* secara langsung sebegitu tidak perlu berdaftar kerana beliau berpandukan kepada buku panduan dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan;

(g) SD1 ada merujuk kepada surat pengakuan pendaftaran bahawa beliau ialah salah seorang pengamal perubatan homeopati yang telah di terima oleh pihak kementerian;

(h) SD2 pula sudah 25 tahun mengamalkan perubatan homeopati;

(i) mengikut SD2 ubat-ubatan homeopati ini berdasarkan kepada konsep gelombang iaitu ianya tidak ada bahan yang boleh bahayakan kesihatan;

(j) SD2 juga menyatakan perubatan homeopati ini bermula di luar negara iaitu negara Jerman dan kemasukan ubat-ubatan tersebut kedalam negara ini perlu di luluskan oleh Kementerian Kesihatan;

(k) SD2 menzahirkan Kementerian Kesihatan akan buat kajian bagi memastikan bahan-bahan yang terkandung di dalam ubat-ubatan homeopati tersebut;

(l) mengikut SD2 selama 25 tahun pengalaman dalam bidang ini tidak pernah timbul Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd dikehendaki mendaftar ubat-ubatan homeopati yang diamalkan atau diusahakannya;

(m) SD2 sebagai Timbalan Presiden kepada Majlis Homeopati Malaysia sentiasa berhubung dengan Kementerian Kesihatan, Jabatan Farmasi dan TCM untuk mengatur atau mengemaskini perubatan homeopati;

(n) SD2 mengatakan dalam pertemuan tersebut beliau diberitahu ubat-ubatan homeopati ini tidak perlu didaftarkan kerana ianya tidak termasuk atau mengandungi dadah berbahaya mengikut Akta-Akta Dadah yang berkenaan;

(o) SD3 pula merupakan pesara selepas 16 tahun bertugas di Kementerian Kesihatan dan juga di Pejabat Farmasi Johor Bahru. Kini berniaga dan mendalami perubatan homeopati;

(p) mengikut SD3 perbezaan antara ubat biasa dengan ubatan homeopati adalah tertakluk kepada Akta Racun;

(q) berasaskan pengalaman SD3 membuat pemeriksaan di klinik homeopati mendapati ubat-ubatnya tidak mengandungi racun berjadual;

(r) mengikut SD3 juga ubat-ubatan homeopati ini di sediakan untuk satu-satu pesakit tertentu sahaja;

(s) SD3 juga menyatakan ubat-ubatan homeopati yang mereka sediakan itu adalah dalam peringkat penyediaan untuk di berikan terus kepada pesakit-pesakit tertentu;

(t) akhirnya SD4 yang memiliki pendidikan dalam bidang perubatan homeopati dari Pusat Perubatan Homeopati pada tahun 2008;

(u) mengikut SD4 ini, amalan yang dilakukan di Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd adalah persediaan ubat-ubatan kepada pesakit-pesakit berdasarkan preskripsi yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan bertauliah pada hari yang sama pesakit datang buat lawatan; dan

(v) SD4 mengatakan di Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd hanya menyediakan ubat-ubatan homeopati dalam bentuk asas sahaja iaitu serbuk ubi, gula fruktosa dan jika perlu ada air bertapis.

[64] Berhubung penghakiman Puan Majistret ini jelas menunjukkan beliau tidak mengkaji, meneliti dan menghalusi keseluruhan keterangan secara terperinci atau dengan perkataan tidak menilai semua keterangan ke tahap maksima.

[65] Adalah diamati diperingkat pembelaan ini perayu melalui saksi-saksinya iaitu SD1 hingga SD4 dengan benar dan jujur telah mengaku bahawa mereka semua telah lama dan berpengalaman serta berkelayakan sebagai pengamal perubatan homeopati. Pasti mereka tahu akan selok belok hal-hal berkaitan ubat-ubatan homeopati adalah selamat untuk digunakan, berkesan dan berkualiti mengikut piawaian yang telah di tetapkan oleh pihak berkuasa.

[66] Lihat sahaja kepada keterangan SD2 yang mengatakan perubatan homeopati ini di bawa masuk dari luar negara dan kemudiannya Kementerian Kesihatan akan buat kajian kandungan ubat-ubatan tersebut sebelum kelulusan diberikan bahawa ianya benar-benar berkualiti, berkesan dan selamat digunakan mengikut kehendak piawaian yang telah ditentukan. Pernyataan ini disokong pula oleh SD1 dan SD4 yang telah menegaskan mereka akan memeriksa dan menilai setiap ubat-ubatan homeopati pasti

menggunakan bahan asas iaitu serbuk ubi, gula fruktosa dan jika perlu ada air bertapis di campur lagi dengan bahan-bahan lain mengikut kesesuaian dan keadaan pesakit tertentu yang datang untuk mendapatkan rawatan. Jadi tindakan SD1 hingga SD4 ini menunjukkan betapa rapi dan halusnya pengamal homeopati ini bertindak memastikan ubat-ubatan mereka tidak mempunyai bahan atau kandungan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada pesakit-pesakit yang melawati untuk mendapatkan rawatan yang sempurna.

[67] Berikutnya mengikut keterangan SD3 terdapatnya perbezaan antara ubat-ubatan biasa dengan ubatan homeopati yang tidak mengandungi racun berjadual membahayakan kesihatan. Jadi oleh kerana pertuduhan terhadap perayu disini adalah merujuk kepada pelanggaran terhadap peruntukan peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 maka adalah wajar disini pernyataan saksi-saksi pembelaan bahawa ubat-ubatan homeopati langsung tidak mengandungi 'drug' sama ada 'in a dosage unit' ataupun 'to be used as an ingredient' bersama-sama dengan bahan asas seperti serbuk ubi, gula fruktosa dan air bertapis hendaklah di beripertimbangan sewajarnya serta menerima seadanya kerana responden sepanjang perbicaraan berjalan gagal membuktikan bahawasanya ubat-ubatan homeopati tersebut sepertimana di eksh P4 hingga P72 mengandungi apa-apa *drug* pun agar ianya selamat dianggap 'product' mengikut takrifan peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Tanpa dianalisa terlebih dahulu ubat-ubatan homeopati (eksh P4 hingga P72) untuk menentukan kandungan sebenarnya oleh pakar maka mana mungkin dikatakan oleh responden bahawa bahan-bahan yang dirampas tersebut tergolong yang ditakrifkan di bawah peraturan 2 itu hanya sekadar bergantung kepada label-label terlekat pada ubat-ubatan yang menzahirkan nama ubatan, isi kandungannya ('contents'), arahan penggunaannya, 'dosage'nya, harganya dan akhir sekali pengedarnya. Pasti itu bukanlan niat Parlimen ketika mengubal peruntukan undang-undang berkenaan dan mahkamah ini juga merumuskan beban pembuktian di bahu responden dalam kes sebegini tidaklah semudah itu kerana kita sedia maklum undang-undang berkehendakkan kes di akhir perbicaraan keseluruhannya di tahap menjangkau keraguan munasabah dan ini jelas gagal di laksanakan oleh responden.

[68] Seterusnya berkait pengecualian di bawah Drug Registration Guidance Document (DRGD) berkenaan 'extemporaneous preparation for an individual patient by a registered/licensed homeopathic practitioner' telah diperjelaskan oleh SD1 yang merupakan pengamal homeopati dan disokong oleh SD2, SD3 dan SD4 bahawa mereka akan memeriksa pesakit terlebih dahulu di Klinikal Perunding (HOM) dan kemudiannya menilai ubat-ubatan yang sesuai untuk di berikan kepada mereka. Selepas itu barulah ubat-ubatan

homeopati tersebut disediakan menggunakan bahan asas seperti serbuk ubi, gula fruktosa dan air bertapis yang dicampurkan dengan bahan-bahan lain yang sedia ada diimport dari luar negeri dan telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sepertimana eksh P4 hingga P72. Semua ubat-ubatan ini disediakan oleh SD1 hingga SD4 dibilik khas untuk tujuan tersebut terletak di bahagian belakang premis Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd. Akhirnya ubat-ubatan homeopati yang telah disediakan ini akan diberikan kepada pesakit-pesakit yang mengunjungi klinikal untuk mendapat rawatan hari tersebut.

[69] Jadi berdasarkan fakta-fakta yang dihuraikan di atas tadi maka jelas terbukti bahawa pengamal-pengamal homeopati di Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd itu memang melakukan aktiviti menyediakan ubat-ubatan homeopati secara spontan ('extemporaneous') untuk diberikan kepada keadaan pesakit yang tertentu di bilik rawatan klinikal tersebut.

[70] Kenyataan ini mahkamah amati tidak dapat disangkal sebaliknya oleh mana-mana saksi responden semasa keseluruhan perbicaraan.

[71] Maka dalam keadaan sedemikian mana mungkin Puan Majistret memutuskan pihak pembelaan gagal menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti mereka di klinikal tersebut termasuk dalam pengecualian pendaftaran ubat-ubatan homeopati sepertimana termaktub di item 2(ii) ms 306 Drug Registration Guidance Document (DRGD).

[72] Begitu juga oleh kerana pihak responden gagal membuktikan bahawa ubat-ubatan homeopati sepertimana di eksh P4 hingga P72 mengandungi dadah ('drug') sejajar dengan takrifan 'product' di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 serta s 2 Sale of Drugs Act 1952 maka samalah keadaannya seperti diperjelaskan di atas tadi di mana ubat-ubatan homeopati ini adalah dikecualikan daripada keperluan untuk didaftarkan dengan pihak berkuasa berkenaan.

[73] Mahkamah memutuskan penjelasan saksi-saksi pembelaan ini amat menyakinkan dan dapat mematahkan kes prima facie responden di peringkat pendakwaan dengan adanya keterangan sokongan yang lain yang pasti tidak boleh dianggap sebagai penafian semata-mata ataupun dikatakan satu pembelaan yang baru timbul ('new invention') kerana sejak dari peringkat pendakwaan lagi perkara ini telah diajukan soalan kepada saksi-saksi pendakwaan sebagai asas pembelaan kelak dan juga mahkamah tidak nampak pembelaan SD1 hingga SD4 ini boleh dianggap sebagai 'an afterthought defence' kerana ianya sudah menjadi asas pembelaan mulai dari hari pertama perbicaraan lagi. Cubaan responden membangkitkan isu ini dalam penghujahannya adalah satu yang remeh-temeh dan tidak berasas sama sekali.

[74] Akhir kata mahkamah percaya penjelasan SD1 hingga SD4 tersebut telah berjaya merungkaikan kes pendakwaan hingga menimbulkan satu keraguan yang amat munasabah kebenarannya.

KEPUTUSAN

[75] Mahkamah memutuskan rayuan perayu di benarkan dan sabitan di bawah peraturan 30(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dengan hukuman denda berjumlah RM25,000 jika gagal bayar akan di kenakan enam bulan penjara di bawah s 12(2) Akta Jualan Dadah 1952 ke atas Klinikal Perunding (HOM) Sg Rengit Sdn Bhd diketepikan dan dengan itu mahkamah perintahkan perayu dilepas dan dibebaskan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad